

→ BISNES

MSM rancang eksport ke Afrika, China

➔ Kilang penapisan gula baharu dijangka operasi bulan depan

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@nsp.com.my

MSM Malaysia Holdings Bhd, pengeluar gula pasir utama negara merancang untuk mengeksport produknya ke negara benua Afrika dan China dalam masa terdekat.

Pengerusinya, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, berkata ia berikutan persaingan sengit pasaran domestik disebabkan oleh perdagangan gula yang murah dan tidak terkawal dari negara jiran melalui penyeludupan yang berlaku di pelabuhan Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, rancangan itu masih pada peringkat awal dan syarikat masih mengenal pasti strategi yang akan digunakan

sama ada bergerak secara sendiri atau menjalin kerjasama dengan pemain industri utama lain.

"Kami lihat adanya peningkatan permintaan di rantau Afrika, manakala China adalah pasaran khas kerana menjadi pengimport bersih gula," katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan di Kuala Lumpur, semalam.

Kilang penapisan gula baharu
Mengulas mengenai kilang penapisan gula baharu di Tanjung Langsat, Johor yang dijangka beroperasi secara rasmi bulan depan, Azhar berkata, ia mampu meningkatkan kapasiti sebanyak 0.3 tan bagi pertumbuhan domestik dan eksport pada 2018.

"Kami jangka 2018 adalah tahun untuk mencatatkan keun-



Azhar (dua dari kiri) pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan di Kuala Lumpur, semalam.

Kami lihat adanya peningkatan permintaan di rantau Afrika, manakala China adalah pasaran khas kerana menjadi pengimport bersih gula"

Azhar Abdul Hamid,
Pengerusi MSM Malaysia
Holdings Bhd

tungan yang lebih baik berbanding tahun sebelum ini yang mencabar, memandangkan harga gula mentah dunia lebih rendah dan ringgit yang lebih kukuh mampu memastikan penstabilan kos gula mentah.

"Setakat ini, syarikat mencatatkan prestasi yang baik, namun masih banyak kerja yang perlu dilakukan," katanya.

Isu pelantikan CEO

Menyentuh mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO), Azhar berkata, syarikat akan mengumumkan calon yang sesuai untuk menyandang jawatan itu pada Julai nanti.

Ketika ini, Mohd Shaffie Said bertindak sebagai pemangku CEO sejak Januari lalu selepas

penyandangannya, Datuk Mohamad Amri Sahari @ Khuzari meletak jawatan.

Ditanya mengenai kedudukan sebagai pengerusi sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berikutan trend beberapa pemimpin GLC melepaskan jawatan masing-masing selepas Pakatan Harapan menerajui kerajaan, beliau menjelaskan akan terus memimpin syarikat dengan penuh komited tanpa sebarang prejudis.

"Saya bukan ahli politik. Saya tidak memihak kepada mana-mana parti dan tidak menjadi ahli kepada mana-mana parti. Saya akan terus menjalankan tugas saya selagi Ahli Lembaga Pengarah mahu saya mengetuai syarikat ini," katanya.

Pembangunan hartanah kekal pemacu pendapatan I-Bhd



Pengerusi Eksekutif I-Bhd, Tan Sri Lim Kim Hong (tengah); Pengerusi Eksekutif I-Bhd, Puan Sri Tey Siew Thuan (kiri) dan Hong Chew melihat buku laporan selepas Mesyuarat Agung Tahunan di Shah Alam, semalam.

Segmen pembangunan hartanah dijangka kekal penyumbang terbesar kepada pendapatan I-Bhd dalam tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2018.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Eu Hong Chew, berkata selain baki jualan RM250 juta yang belum dibilkan, i-City akan menyaksikan beberapa pelancaran baharu tahun ini membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM2 bilion.

Beliau berkata, projek itu ialah Plot 4 Central Park dengan GDV RM1 bilion, Plot 2 Central Walk (RM470 juta) dan i-City South (RM500 juta).

"Kami jangka sumbangan segmen pembangunan hartanah pada 2018 adalah baik mengambil kira kerja-kerja pembangunan semasa, baki jualan yang belum dijual di i-City, selain pelancaran baharu," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung

Fakta
nombor

28.8 HEKTAR
keluasan i-City
di Shah Alam

Tahunan (AGM) kumpulan itu di Shah Alam, semalam.

Catat pertumbuhan untung bersih

Hong Chew berkata, sungguhpun 2018 kelihatan satu lagi tahun mencabar bagi industri hartanah tempatan, beliau yakin prestasi kumpulan tahun ini akan kekal mampan,

Beliau berkata, pelancaran lain pada tahun ini, termasuk kediaman servis dengan anggaran GDV RM560 juta dan pejabat pintar bernilai RM230 juta.

I-Bhd, yang terkenal dengan pembangunan i-City seluas 28.8 hektar di Shah Alam, mencatat pertumbuhan untung bersih 16.6 peratus kepada RM24.49 juta pada suku kewangan pertama berakhir 31 Mac 2018, berbanding RM20.1 juta suku sama tahun sebelumnya.

Ia diraih daripada pendapatan berjumlah RM159.349 juta.

Melihat dari segi prestasi segmen, pembangunan hartanah kekal penyumbang terbesar kepada aliran pendapatan kumpulan pada suku dikaji dengan mencatat jumlah RM147.9 juta, mewakili 93 peratus daripada pendapatan kumpulan, manakala segmen riadah menyumbang enam peratus atau RM9.7 juta.